

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini bantuan USD150 juta untuk 3 tahun daripada Qatar Fund For Development (QFFD) untuk pelarian Rohingya di Malaysia, dan berapakah yang telah QFFD salurkan setakat 24 Februari 2020 dan senaraikan penerima-penerima sumbangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Bantuan Kemanusiaan Pelarian di Malaysia Menggunakan Peruntukan Dana *Qatar Fund for Development* (QFFD) bernilai USD50 juta (bukan USD150 juta) merupakan sebuah projek kemanusiaan untuk pelarian di Malaysia bertujuan untuk menambah baik kebajikan dan kesejahteraan pelarian yang berdaftar dengan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) sepanjang keberadaan sementara mereka di negara ini. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 5 April 2019 telah bersetuju dengan pelantikan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sebagai badan penyelaras Program Bantuan Kemanusiaan ini.

SOALAN NO : 29

Program QFFD telah dibahagikan kepada tiga (3) sektor iaitu sektor kesihatan, sektor pendidikan dan sektor kemandirian. Walau bagaimanapun, perjanjian bagi sektor kesihatan sahaja yang telah ditandatangani bagi tahun pertama iaitu bermula 17 September 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah USD5.7 juta setahun. Sektor kesihatan ini bertujuan meningkatkan akses kepada pelarian Rohingnya untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan primer dan sekunder selain meningkatkan kesedaran mengenai pendidikan kesihatan.

Bagi pelaksanaan program sektor kesihatan ini, sebanyak tiga (3) buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia telah dilantik oleh QFFD sebagai rakan pelaksana iaitu MERCY Malaysia, *IMAM Response and Relief Team* (IMARET) dan *Malaysia Relief Agency* (MRA). Pelantikan tiga (3) NGO ini adalah berdasarkan pengalaman, kepakaran dan kredibiliti NGO terbabit dalam melaksanakan kerja-kerja kebajikan. Manakala YKN telah dilantik oleh Kerajaan melalui Mesyuarat *High Level Committee* (HLC) pada 1 Mac 2019 untuk menjadi koordinator pelaksanaan Program bagi menyelaraskan keperluan NGO-NGO ini dengan agensi kerajaan, Kementerian yang berkaitan dan lain-lain apabila diperlukan.

Penyaluran dana bagi projek ini dilaksanakan kepada NGO yang terlibat secara berperingkat oleh Qatar Charity (QC) yang merupakan NGO tempatan Qatar dan dilantik oleh QFFD yang beroperasi di Malaysia berdasarkan kepada status siap *deliverable* projek.

Sehingga 24 Februari 2020, sebanyak USD840 ribu bersamaan RM3.45 juta telah disalurkan oleh QFFD bagi tujuan pengubahsuaian dan kos operasi klinik. Bagi pelaksanaan program di bawah sektor pendidikan dan kemandirian, skop dan rangka kerja yang telah dicadangkan masih belum mendapat keputusan rasmi daripada pihak QFFD.